



Ogos 2017

COVER STORY

KEBENARAN ITU PAHIT UNTUK DITELAN DATUK CHEF WAN & SERINA

Di kala netizen hangat membicarakan tentang isu teguran tajam yang dilontarkan oleh cef selebriti tersohor ini berkenaan ibu bapa perlu menjaga adab anak-anak ketika berhari raya, ia sedikit pun tidak mematahkan semangat kami untuk meneruskan sesi fotografi yang telah pun dirancang sejak awal.

PENJAJAG & PENYELARAS: AMY MOHD PENATA GAYA & KONSEP: KIFFY RAZAK ARAHAN SENI: AZNIZA AZIZ FOTO: SHARINIZAM
OTHMAN & HAFIZ SOLEKAN & DANDANAN: VEE BUSANA: MS.READ (SERINA) RAMBUT: RIDZOKUMURA SUBANG (SERINA)

BUAT juling kalinya untuk edisi kemerdekaan, Majalah Nona menggandeng Prof. Datuk Haji Redzuwan Ismail atau sinonimnya, Datuk Chef Wan bersama anak perempunya kesayangan iaitu Serina Redzuwan sebagai penghias muka hadapan. Bukan mudah sebenarnya untuk mencari masa keduanya kerana masing-masing sangat sibuk dengan kerjaya. Apatah lagi, Serina kini kian ligat sebagai seorang watahwan di samping aktif dalam lapangan politik.

INTERIOR MEWAH

Banglo mewah yang terletak di Cyberjaya milik Datuk Chef Wan menjadi lokasi eksklusif untuk sesi fotografi ini. Keindahan rekaan interiornya begitu memukau pandangan. Rona lembut melatari segenap ruang banglo tiga tingkat ini. Penulis cukup teruja dengan idea dekorasi yang dihilangkan sendiri oleh Datuk Chef Wan. Masih terasa keupuman fabrik Baker Sola yang dihasilkan khas dari New York bagi melengkapi ruang tamu bernuansa elegan ini.

LANTANG

Kalau tidak lantang, bukannya Datuk Chef Wan namanya. Namun lantangnya itu berisi serta jujur. Bagi Datuk Chef Wan mungkin teguran yang disampaikan itu kedegangan agak kasar lantas ada yang sukar untuk menerimanya. Pun begitu ada juga yang menyokong dan boleh menerimanya secara positif. Biar pun tutur katanya umpama belati tajam namun jauh di lubuk hatinya tersimpan jua kelembutan. Kuatnya naluri sebagai seorang bapa tidak usah disangkal lagi selain mudah mesra.

"Selalunya pada waktu senggang saya akan menulis dan berikongsi cerita di laman sosial. Terpujulah jika ada yang tidak dapat menerima serta mengambilnya secara negatif, saya tidak kisah. Kebenaran tetap kebenaran. Tujuan saya berikongsi cerita adalah kerana sudah mengalami bermacam pengalaman dengan niat untuk mengingatkan orang lain termasuklah diri sendiri. Itu yang kadangkadang orang tidak dapat menerima tetapi tidak mengapalah.

Bagi saya tidak semestinya apa yang saya sampaikan itu ditujukan untuk seseorang apatah lagi mengata. Sebenarnya ia diluahkan secara umum sahaja dan sekadar peringatan bersama. Ini kerana kita sendiri tahu bahawa sejak di bangku sekolah lagi kita telah pun diajar tentang adab sopan, berdehah, menyayangi ibu bapa serta adik beradik, bertimbang rasa dan sebagainya. Sebagai manusia kita mestilah menanam sikap seperti ini di dalam diri di samping saling hormat menghormati.

Tidak semua pendapat saya orang akan setuju walaupun sesuatu perkara yang saya katakan itu benar. Mungkin yang

tidak dapat menerimanya kerana mereka tahu kebenaran itu ada kalanya sakit untuk ditelan. Seperti yang dikatakan tadi, saya sebenarnya ingin berikongsi pengalaman dan pandangan senarai. Saya gemar mengajak masyarakat saling menghormati dan mementingkan nilai-nilai kekeluargaan. Bekerja keras demi kehidupan yang lebih sihat dan bahagia." tutur anak jati FELDA Sungai Koyan ini yang berusia 50 tahun.

Serina turut menelaah, "Papa seorang yang bercakap dari hati dan itulah dirinya yang sebenar, bukan seorang yang palsu. Kalau tidak suka Papa akan terus tegur. Itulah unikunya Datuk Chef Wan. Tidak mudah sebenarnya bergelar anak kepada Datuk Chef Wan apatah lagi menjadi seorang Datuk Chef Wan. Kata-katanya tajam menusuk sampai ke jantung. Tidak kita siapa, orang luar atau ahli keluarga sendiri kalau salah tetap salah. Satu benda yang saya belajar ialah jika kita melakukan kesalahan segeralah perbaiki. Minta maaf andai betul kita salah, jangan terliu ego. Dengar juga pandangan orang lain."


MEDIA SOSIAL

"Kadangkadang ada yang bukan sahaja tidak boleh menerima kebenaran malah kurang faham apa yang saya cuba sampaikan. Ini disebabkan oleh mereka sudah terbiasa dengan cara hidup yang gemar bersangka buruk terhadap orang lain termasuklah menyebarkan fitnah, riak, berfikiran negatif, mementingkan diri sendiri serta tamak. Perkara-perkara seperti inilah yang sebenarnya kita hendak kiks dalam masyarakat.

Namun, budak-budak zaman sekarang tidak sama macam dahulu. Mereka lebih banyak membuang masa untuk diri sendiri di media sosial yang mungkin akan mendedarkan mereka kepada perkara-perkara yang tidak baik. Kalau kita mengambil masa untuk mengkaji dan menilai apa yang orang lain katakan kemudian kita sebarikan dan cipta idea sendiri tanpa memikirkan apa yang kita tulis sambil mengutip macam-macam ia akan menjadi satu perkara yang tidak baiklah.

Namun jika kita bercerita tentang perkara-perkara yang baik atau memberi inspirasi kepada orang lain maka ia akan menjadi satu perkara yang bermanfaat. Contohnya, berikongsi cerita tentang kembara kita ke luar negara dengan meletakkan koleksi gambar-gambar menarik di media sosial. Secara tidak langsung kita akan memberi inspirasi kepada orang lain untuk turut mengembara. Itu satu kebaikan. Satu lagi jika kita mencipta hidangan yang enak-enak serta berkongsi resipi dengan orang lain apabila mereka mencubanya dan menjadi pula alhamdulillah kita berjaya memberi manfaat kepada orang lain." ungkap Datuk Chef Wan.

“
**PAPA SEORANG
YANG BERCAKAP
DARI HATI & ITULAH
DIRINYA YANG SEBENAR,
BUKAN SEORANG
YANG PALSU.**
”





Bellau dianugerahkan dengan gelaran Datuk bersempena Hari Wilayah sekitar tahun 2010. Beliau dikurniakan darjah kebesaran Panglima Mahkota Wilayah oleh Pemangku Yang Dipertuan Agung, Tuanku Abdul Halim Muadzam Shah. Sememangnya beliau layak dikurniakan gelaran tersebut berkat sumbangannya yang bukan sedikit.

Datuk Chef Wan sentiasa berpegang kepada prinsip berpikuk di bumi yang nyata serta sedar asal usul. Sentiasa mengekalkan budaya dan adat walau di mana beliau berada selain tahu apa yang betul dan apa yang salah. Datuk Chef Wan sudah pun mengabdikan dirinya selama lebih 25 tahun untuk dunia masakan. Beliau juga seorang pengacara dan penulis terkenal.

IBU INSPIRASI SUKSES

Datuk Chef Wan menjadikan ibunya iaitu Noraini Abdullah sebagai tulang belakang dan sumber inspirasi untuk berjaya dalam kehidupan. Pasaran Ibu beliau sentiasa teramat di jiwanya agar sentiasa bertanggungjawab terhadap keluarga dan adik beradik. Beliau juga sentiasa mengenang pengorbanan serta keperluan ibunya dalam membesarkan tujuh orang anak. Sejak kecil lagi Datuk Chef Wan belajar erti kepayahan hidup yang menjadi pencetus semangat buat beliau untuk merubah kehidupan. Demi membalas jasa ibu, beliau bergiligrilir menjaganya bersama adik beradik yang lain. Datuk Chef Wan turut menyediakan sebuah ruang kamar khas buat ibunya di rumah yang diberikan konsep klasik.

"Saya bersyukur dengan apa yang dianugerahkan dalam kehidupan saya pada hari ini. Ia adalah berkat usaha tanpa jemu saya menjejajah ke seluruh pelosok dunia hanya kerana ingin berkongsi ilmu dan kemahiran yang saya miliki. Saya banyak belajar tentang perbezaan serta keunikan budaya di negara orang. Saya bersyukur dan berterima kasih kepada Allah SWT kerana memberikan peluang yang cukup bermakna sepanjang hidup saya," ungkap Datuk Chef Wan.

SERINA LIGAT BERNIAGA

Tatkala menyingkap sisi peribadi terkini puteri kesayangan Datuk Chef Wan ini ternyata Serina seorang wanita yang hebat dan tabah. Lebih-lebih lagi dengan statusnya kini, Serina lebih bakti demi kelangsungan hidup bersama dua anaknya iaitu Tristan Tareef, 6 tahun, dan Isabella Salfiya, 5 tahun. Serina tidak menjadikan kegagalan rumah tangganya sebagai penghalar buat dirinya untuk sukses.

Serina kini bergelar usahawan makanan berjaya di samping aktif dalam bidang politik. Anak-anak dan bapa menjadi lambang kekuatan buat Serina untuk terus memandang ke hadapan. Seronok sebenarnya berbalut dengan Serina kerana dia seorang yang mempunyai kesungguhan dan matlamat dalam kehidupan.

"Saya sekarang giat mengusahakan perniagaan berasaskan makanan yang saya masak sendiri di rumah dan hantar kepada pelanggan. Ramadan lalu saya menyediakan menu untuk berbuka dan sahur. Antara menu yang saya sediakan untuk homemade ialah Asam Pedas Ikan Pari, Lemak Cili Padi Ketam, Sup Tulang dan Dendeng Berlado. Selain itu, saya juga mengusahakan Char Kuew Teow Penang Basah di kelas USJ Subang Jaya. Ini dilakukan sepanjang masa jadi pelanggan bolehlah singgah makan di kiosk tersebut.

Selain itu, para pelanggan juga boleh membuat tempahan menu untuk katering, majlis hari jadi, majlis hari raya dan sebagainya. Saya akan masak dan hidangkan panoponas. Saya juga melancarkan rangkaian biskut raya. Saya turut mengembangkan pasaran makanan yang berasaskan durian. Salah satunya ialah aiskrim gelato yang diperbuat daripada isi durian D24. Saya mempunyai team yang terdiri daripada chef berpengalaman yang samsama melakukan R&D.

Alhamdulillah sambutannya sangat hebat kerana keistimewaan yang menggunakan isi durian asli D24. Agen diperlukan bagi mengembangkan lagi pasarnya. Selain itu, saya juga merancang untuk mengeluarkan Kopi 3 in 1 bersama isi durian Musang King pertama di dunia. Selain dicadangkan oleh pelanggan, idea ini juga tercetus setelah melihat sambutan aiskrim gelato yang luar biasa.

Alhamdulillah Papa sangat menyokong apa sahaja produk yang saya keluarkan. Papa adalah orang pertama yang akan beli. Nasihat Papa, kalau nak buat biar sampai berjaya. Jangan mudah putus asa, usah berhenti dalam mencari rezeki. Keluar dari zon selesa dan belajar untuk bangkit daripada kegagalan. Itulah kata-kata hikmah daripada Papa yang saya semat sebagai jati diri. Sebenarnya, tujuan utama saya mengusahakan perniagaan berasaskan makanan ialah untuk membantu golongan ibu tunggal dan susah di luar sana.

“

**“SAYA BERSYUKUR
DENGAN APA YANG
DIANUGERAHKAN
DALAM KEHIDUPAN
SAYA PADA
HARI INI.**

”

Saya sangat memahami perasaan bergelut Ibu tunggal yang bertungkus lumus mencari duit. Kita nampak produk-produk PKS dari kampung mempunyai kuih-kuih yang bagus dan sedap namun tiada orang hendak bantu untuk pasaran. Contohnya untuk kuih cakar ayam, saya upah orang kampung untuk buat. Mereka ini pakar membuat kuih muih tradisional. Bukan mudah sebenarnya menghasilkan kuih cakar ayam asli jika bukan dari mereka yang berpengalaman.

Saya turut membantu memasarkan produk-produk mereka dengan menggunakan jenama SERINA'S DELICIOUS. Paling penting ialah bila sebut sahaja SERINA'S DELICIOUS orang tahu kuihnya semua sedap dan berkualiti. Untuk tahu lebih lanjut tentang bisnes ini boleh ikut Instagram saya iaitu SERINA REDZUJAWAN," kongsiya bersemangat. Serina pernah dijemput oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sebagai jurucakap bagi menginspirasi kaum wanita untuk sukses. Selain berniaga, sekecil Serina menerima tawaran berlakon dan masih setia bersama MG.

PERPISAHAN BUKAN PENGAKHIRAN

Takdir menentukan, bahtera perkahwinan yang dibina atas dasar cinta pada tahun 2010 akhirnya karam di tengah lautan. Setelah gagal menepis segala badai yang menimpa, pilihan terakhir adalah perpisahan. Tiada siapa yang menginginkannya namun bagi Serina itulah sahaja jalan terbaik buat mereka.

"Perpisahan bukanlah pengakhiran hidup. Takdir Allah SWT tidak boleh dibaca. Ia mungkin menjadi satu titik permulaan untuk sesuatu yang lebih baik kelak. Saya yakin apa yang berlaku pasti ada hikmahnya. Saya harus kuat depan anak-anak, tidak mahu tunjuk kesedihan. Saya akan lakukan sesuatu untuk lupakan kesedihan. Saya banyak menanggapi nasihat daripada Papa kerana apa yang diungkapkan memberi kebaikan buat saya. Sekurang-kurangnya saya masih ada Papa dan anak-anak untuk kekuatan.

Papa bukan seorang yang jika sambat rangan hai orang lain termasuk saya. Walaupun orang-orang Papa seorang yang antang dan jika bersebut namon Papa tak pernah amali hai tentang rumah tangga saya sebelum ini. Karakter saya pula berbeza kerana saya ni orang yang jujur. Papa selalu pesan kalau maraah tu kecil saja jangan bising-bising atau besar-besaran.

Tetapi kalau jiwa sudah terseka Papa kata buat apa telan. Semasa mula-mula dia marah sangat sebab saya tidak pernah memberitahunya cerita sebenar. Cukupan saya katakan kami berpisah kerana tiada perancangan. Bukan kerana orang ketiga dan sebagainya. Papa kata dia tak mahu masuk campur dan tak mahu hukum siapa salah siapa betul. Ini masa depan saya dan orang penting kebahagiaan saya. Papa hendak lihat saya bahagia. Kalau tidak bahagia tada gunanya bertahan. Paling penting ialah tanggungjawab terhadap anak-anak jangan ditinggalkan. Alhamdulillah saya kuat dan perlu segera move on.

Saya kata Papa, saya dah tak bahagia lagi. Ekspresi pertama Papa sememangnya dia marah sangat sebab saya tidak pernah memberitahunya cerita sebenar. Cukupan saya katakan kami berpisah kerana tiada perancangan. Bukan kerana orang ketiga dan sebagainya. Papa kata dia tak mahu masuk campur dan tak mahu hukum siapa salah siapa betul. Ini masa depan saya dan orang penting kebahagiaan saya. Papa hendak lihat saya bahagia. Kalau tidak bahagia tada gunanya bertahan. Paling penting ialah tanggungjawab terhadap anak-anak jangan ditinggalkan. Alhamdulillah saya kuat dan perlu segera move on.

Apa pun sebagai anak saya sangat terharu dan bangga dengan Papa kerana berani tampil memotahharkan masalah anaknya. Saya tidak pernah kesal dengan apa yang berlaku kerana yakin Allah SWT akan memberikan yang lebih baik buat saya," unguip Serina yang bergilangilang meniaga anaknya bersama bekas suami. Serina tidak mahu anak-anak menjadi mangsa hanya kerana mereka sudah tidak bersama lagi. Serina amat tegas dalam hal ini.

Bagi Datuk Chef Wan beliau yakin Serina telah sedaya upaya melakukan yang terbaik demi menyelamatkan perkahwinannya. Jika sudah tidak bahagia tada gunanya lagi bertahan. Mungkin apa yang berlaku pada hari ini akan memberikan sesuatu yang lebih baik kelak.

Terimalah takdir-Nya dan jangan mudah menghukum seseorang. Takut suatu hari nanti orang yang bercakap perkara-perkara negatif tentang Serina akan terkena barang hidang sendiri mahupun anak atau cucu. Apa yang penting doakan yang baik-baik sahaja," unguip Datuk Chef Wan penuh terasit.

REZEKI

"Rezeki ada di mana-mana. Saya dah lali dengan fasa susah dan senang di mana Papa menjadi saya berdzikir masak kecil. Tada berda senang di dunia ni. Ketika usia 17 tahun saya pernah bekerja di pasar borong Selangor. Saya suka tengok orang berdagang dan mahu mencubanya. Pukul 3 pagi saya sudah ke pasar borong untuk menyiapkan barang jualan seperti kelapa dan keledek. Saya pernah menghantar keledek sebanyak 30kg sampai badan pun sakit-sakit. Pernah juga masuk hospital kerana kerja terlalu kuat. Saya bertahan selama 4 bulan dan disayar gaji harian. Saya juga pernah bekerja di hotel sebagai operator.

Senyap kat Papa keluar negara atas urusan kerja dalam tempoh yang lama. Papa tidak pernah lupa untuk menghantar surat beserta gambar. Papa memang seorang yang penyayang. Kini Papa sudah meningkat

usia dan saya amat prihatin dengan kesihatannya. Sakit-sakit saja pun mahu curi-hari-hari. Kalau Papa sakit saya akan bawa kepada anak-anaknya. Tapi tentu ada kelas insangam kena masuk ward. Pun begitu, Papa sebenarnya seorang yang menjaga kesihatan. Papa mengamalkan suplemen setiap hari "King's Serina.

PERANCANGAN

"Kerendahan dan fokus utama saya sekarang ialah membina empayar SERINA'S SIMPLY DELICIOUS, jenama ini saya akan tademark dan memiliki beberapa rangkaian produk yang berkesan makanan. Saya akan menawarkan kepada peminat-peminat untuk membuka kiosk Char Kuew Teow Penang Basah dan kita juga akan membawakan kiosk Char Kuew Teow. Untuk homemade saya akan sendiri di rumah. Namun untuk kopi dan ais krim saya menggunakan khidmat kilang dan Café berpengalaman. Selain itu, saya juga akan terus membantu golongan ibu tunggal dan berkongsi-rasmi bersama mereka.

Di samping itu, saya turut memiliki syarikat produk yang telah ditubuhkan hampir sembilan tahun lalu bersama Yusuf Kelana. Setakat ini kami telah menerbitkan dua buah filem iaitu *Gangster Rock-Kasi Sangat* pada dua tahun lalu, tahun ini satu lagi. Film akan diterbitkan dan kali ini saya mendapat geran daripada kerajaan untuk melakukan CGI dalam penghasilan filem bercorak sejarah Malaysia ini yang berjudul *Blang The Boat People*.

Ringkasnya, film ini mengisahkan tentang sumbangan Malaysia kepada penduduk Vietnam yang menjadi pelarian di Pulau Bidong. Mereka diberikan pemampasan dan bantuan makanan selama hampir 20 tahun. Saya banyak melakukan kajian tentang sejarah Pulau Bidong yang ramai orang tidak tahu. Film ini menggambarkan hakikat sebenar tentang jera dan keprihatinan kerajaan Malaysia. Saya amat berterima kasih kepada kerajaan Malaysia serta FINAS dan PEMANDU dalam penghasilan CGI untuk filem ini," jelas Serina yang berjaya patriotik dan tegas. Serina merupakan AJK Bintang Bukit Bintang dan Ketua Puteri Jawangan Jalan PRamlee.

"Impian saya pula ialah sebelum menutup mata kalau boleh saya hendak membuka sekolah memasak untuk bidang Asian Chef. Justeru, saya perlukan sebuah sekolah di mana para graduannya pakar dalam masakan Asia. Kita akan lebih fokus kepada bidang makanan-makanan kita termasuk seni kuliner, festival dan sebagainya. Kini, saya sedang bekerjasama dengan salah sebuah universiti di utara. Saya impikan untuk membina sebuah sekolah yang memartabatkan makanan-makanan kita," bicara Datuk Chef Wan tentang impiannya kelak.

KEMERDEKAAN

Bersempena kedatangan bulan kemerdekaan, Serina dan Datuk Chef Wan turut meriliskan kata-kata semangat.

"Sama-samalah kita berjuang demi mempertahankan negara kita yang tercinta. Janglah kita mempertikaikan asal bangsa kerana masyarakat kita adalah majmuk dan sermpun. Jika terlah sesuatu yang tidak baik berkaitan dengan politik janglah kita menjadi penghasut dan memikatkan isu yang boleh memecah belah bangsa. Ingat kembali peristiwa berdarah 13 Mei, harap tidak berlaku lagi. Marilah kita bersatu hati agar Malaysia terus aman makmur, tahir Serina.

"Nasihat saya pula, bertaqat legeh bercera kita rabih. Sebagai rakyat Malaysia kita sememangnya mempunyai tanggungjawab. Jata-berbangsa raya dan kasih sayang demi kelahiran yang lebih harmoni," akhir Datuk Chef Wan penuh makna. ◆

